



**KENYATAAN AKHBAR  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT  
CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA  
MINGGU EPIDEMIOLOGI KE-50 TAHUN 2023  
(ME 50/2023)  
18 DISEMBER 2023**

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia pada ME 50/2023 dari 10 Disember 2023 hingga 16 Disember 2023 (jam 12:00 tengah hari);
  - **Kes baharu : 20,696 kes**, iaitu peningkatan sebanyak 62.2% berbanding dengan jumlah kes yang dilaporkan pada ME 49/2023. Majoriti (97%) lagi adalah kategori 1 dan 2.
  - **Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : 151 kes** dimana 96 kes memerlukan **alat bantuan pernafasan**; dan
  - **Kes kematian** sebanyak **28 kes** dengan kadar kematian 0.1%. Kematian tertinggi adalah di kalangan kes yang berumur 60 tahun ke atas (85%) dan yang mempunyai komorbiditi (93%).

2. Maklumat terperinci lain berkenaan situasi semasa jangkitan dan penularan COVID-19 di Malaysia akan dimuatnaik ke laman web KKMNOW di <https://data.moh.gov.my>. Data akan dikemaskini secara mingguan.
3. Malaysia kini sedang menghadapi peningkatan kes COVID-19 yang mendadak. KKM berharap agar situasi ini dapat ditangani tanpa perlu mengulangi sekatan seperti Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berlaku pada awal pandemik COVID-19.
4. Bagi menghadapi lonjakan kes COVID-19 ketika ini, KKM telah memperkukuhkan **Pelan Pengurusan COVID-19** melalui lima (5) strategi utama iaitu:
  - **Strategi 1:** Pengesanan awal kes COVID-19 dan varian SARS-CoV-2;
  - **Strategi 2:** Pemerkasaan komuniti melalui amalan TRIIS (*Test, Report, Isolate, Inform, dan Seek*);
  - **Strategi 3:** Pemantauan fasiliti kesihatan, pengurusan dan kawalan kes COVID-19 terutamanya untuk melindungi golongan berisiko tinggi;
  - **Strategi 4:** Pemerkasaan komuniti melalui komunikasi risiko yang berkesan; dan
  - **Strategi 5:** Pendigitalan sistem kesihatan dalam pengurusan pandemik melalui aplikasi MySejahtera.

## **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

Di samping melaksanakan strategi di atas, KKM juga menyarankan orang ramai supaya sentiasa mengamalkan langkah-langkah pencegahan seperti berikut:

- **Elakkan 3S:** Elakkan kawasan yang **sesak, sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat.
- **Amalkan 3W:** Amalkan **Wash, Wear** dan **Warn**.
- Sentiasa memakai pelitup muka di kawasan awam yang tertutup. Pemakaian pelitup muka adalah amat digalakkan.
- Sentiasa mengekalkan tahap kebersihan diri yang tinggi, kerap mencuci tangan dengan menggunakan air dan sabun atau pensanitasi;
- Bagi yang bergejala, digalakkan melakukan penilaian sendiri tahap kesihatan serta dinasihatkan agar tidak hadir ke mana-mana kawasan yang sesak dan menjadi tumpuan ramai;
- Segera berjumpa dengan doktor untuk pemeriksaan bagi mendapatkan rawatan lanjut sekiranya gejala bertambah teruk;
- Menggalakkan pengambilan vaksin COVID-19 dos tambahan terutama kepada golongan yang berisiko tinggi; dan

- Mendapatkan rawatan antiviral Paxlovid di Klinik Kesihatan atau pengamal perubatan swasta terdekat bagi individu positif COVID-19 dan berisiko tinggi.

Secara keseluruhan, walaupun terdapat peningkatan kes COVID-19 yang dilaporkan, keadaan semasa di Malaysia masih dalam keadaan terkawal dan tidak membebankan fasiliti kesihatan sedia ada.

Kementerian Kesihatan Malaysia akan terus memantau situasi COVID-19 dan varian berkaitan di dalam dan luar negara.

Sekian, terima kasih.

**YB Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly Ahmad**

**Menteri Kesihatan**

18 Disember 2023 @ 4:00 petang